



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI**

**Y.B. TIMBALAN MENTERI**

**Y.BHG. KSU**

**Y.BHG. TKSU (PDN)**

**Y.BHG. TKSU (PUP)**

**SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**18 JULAI 2022 (ISNIN)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**18 JULAI 2022 (ISNIN)**

## Minyak masak bersubsidi RM85,717 dirampas tempoh 15 hari

**Kuala Terengganu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas minyak masak bersubsidi bernilai RM85,717 dalam tempoh 15 hari, bermula bukan lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata rampasan itu membabitkan 70 kesalahan melalui operasi Ayam, Telur dan Minyak (ATM), yang dijalankan sehingga Isnin lalu.

Katanya, antara kesalahan adalah 11 kes aktiviti penyelewengan, termasuk cubaan menyeludup barang itu ke negara jiran, gagal menyelenggara buku stok (42), beroperasi tanpa lesen (lapan) dan tujuh kesalahan membabitkan aktiviti menyorok bekalan serta mengenakan syarat pembelian.

"Bagi mengekang berlaku kebocoran minyak masak bersubsidi, KPDNHEP turut melakukan operasi samar iaitu pegawai penguatuwa tidak berpakaian seragam turun ke lapangan untuk melakukan penyamaran.

"Operasi bersepadu membabitkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pasukan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) turut digerakkan bagi mengekang kegiatan penyeludupan minyak masak ke negara jiran," katanya selepas merasmikan Majlis Jamuan Amal Perwira Jasamu Dikenang, di sini, semalam.

### Audit secara berterusan

Mengulas operasi pengauditan dan pemutihan minyak masak satu kilogram, Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu, berkata operasi itu akan diadakan di 22 syarikat pengeluar dan 305 premis pembungkusan semula minyak masak paket di seluruh negara.

Katanya, operasi pengauditan dilakukan secara berterusan sejak berpuluhan tahun lalu dan bukannya bermula sejak isu berlakunya kebocoran bekalan minyak masak.

"Operasi pengauditan yang dilakukan sejak berpuluhan-puluhan tahun lalu turut menghasilkan rampasan dan penyelewengan serta penyeludupan minyak masak bersubsidi.

"Kita pertingkatkan operasi pengauditan dan pemutihan disebabkan jurang perbezaan harga minyak masak bersubsidi dan tanpa subsidi yang terlalu tinggi menyebabkan berlaku peningkatan kes penyelewengan dan penyeludupan barang itu ke negara jiran," katanya.

## Audit kesan dalang seludup minyak masak di sempadan

**KUALA TERENGGANU** – Audit menyeluruh dan terperinci terhadap pemain industri minyak masak peket bersubsidi di semua peringkat sedang dijalankan bagi mengesan dalang sebenar penyeludupan barang kawalan tersebut ke negara jiran.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, pengauditan tersebut melibatkan pengilang, pembungkus, pemborong dan peruncit minyak masak subsidi yang disyaki.

Beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengenal pasti jenama-jenama minyak masak bersubsidi tempatan yang dijual secara haram di sempadan negara jiran.

"Kita sedang menyiasat semua pemain industri terdiri daripada pengilang, pembungkus, pemborong dan peruncit bagi jenama terlibat."

"Siasatan dilakukan dengan mengaudit rekod pergerakan stok daripada kesemua rantai itu bagi mengenal pasti pihak mana yang melakukan kebocoran minyak masak tersebut," katanya.

Terdahulu beliau ditemui selepas menghadiri Perjumpaan Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM) Terengganu di sini semalam.

Rosol berkata, proses audit

menyeluruh terbabit dijangka mengambil masa kira-kira dua bulan sebelum tindakan penyuatuksaan diambil.

Jelas beliau, selain tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961, dalang yang bertanggungjawab menyeludup keluar minyak masak bersubsidi itu juga berhadapan hukuman dibatalkan lesen.

Dalam pada itu, Rosol memberitahu setakat ini, KPDNHEP telah mengesan 70 kes kesalahan berkait minyak masak melibatkan nilai rampasan keseluruhan RM85,717 sejak awal bulan ini.

Jelas beliau, antara kesalahan yang dikesan ialah cubaan menyeludup ke negara jiran, kegagalan selenggara buku stok, beroperasi tanpa lesen sah, menyorok bekalan dan mengenakan pembelian berisyarat.

Kosmo! pada 11 Jun lalu melaporkan, Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa memberitahu, berdasarkan siasatan, kesemua bekalan minyak masak bersubsidi yang disecludup keluar ke sempadan Thailand dipercayai datang terus dari kilang.

Beliau berkata, kebanyakan kawasan di sempadan negara tersebut sentiasa menerima bekalan minyak masak yang dijual pada harga sehingga RM8 sepeket berbanding RM2.50 di pasaran tempatan.

Oleh Siti Rohana Idris  
am@hmetro.com.my

Tanah Merah

**S**ebanyak 850 peket minyak masak satu kilogram (kg) habis terjual dalam tempoh 15 minit pada Program Advokasi Gerakan Pengguna Mahasiswa (GPS) UMK di Kampung Bendang Besar di sini, kelmarin.

Program jualan borong ini inisiatif pejabat Parlimen Jeli bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) itu menyediakan 50 kotak minyak masak turut membuatkan orang ramai mengejepung pacuan empat roda yang memuatkan kotak mengandungi peket minyak masak berkenaan.

Suri rumah, Wati Mohamad, 44, berkata, peluang

**Walaupun dibenarkan beli empat paket setiap orang, ia memadai kerana dapat dirasai semua penduduk”**

Wan Noriah

# ‘Kepung’ minyak subsidi

*850 peket minyak masak sekilogram RM2.50 habis dijual dalam tempoh 15 minit*



PENDUDUK menunjukkan minyak masak peket yang dibeli dalam jualan borong di Kampung Bendang Besar.

mendapatkan minyak masak pada harga berpatutan tidak dilepaskan kerana harga semasa dijual di kedai runcit sekitar RM3 hingga RM3.50 sepeket.

Menurutnya, dia yang tidak menjangkakan ada jualan borong minyak masak

turut meminjam wang dari rupada jiran yang kebetulan hadir dalam program berkenaan untuk mendapatkan minyak masak.

“Walaupun harga dijual kurang 50 sen hingga RM1 sahaja (sepeket), tapi bagi kami golongan orang susah,

ia sangat berpatutan.

“Biasanya untuk sebulan, kami tujuh beranak menggunakan sekitar tiga peket minyak masak dan adakalanya penggunaannya dicatut untuk berjimat memandangkan kami hanya meneh getah untuk kelangsungan hidup,” katanya.

Penduduk, Wan Noriah Wan Ahmad, 59, berkata, dia datang sejauh lapan kilometer dari Kampung Air Kayan di sini, dengan menunggang motosikal untuk membeli minyak masak pada harga murah.

“Walaupun dibenarkan membeli empat peket setiap orang, ia memadai kerana sekurang-kurangnya dapat dirasai semua penduduk,” katanya.

Sementara itu, Setiausaha Politik Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Zahari Kechik berkata, jualan borong minyak masak berkenaan dilakukan bagi memberi peluang barang subsidi itu sampai kepada golongan sasar.

Menurutnya, inisiatif itu diteruskan secara berkala bagi memenuhi permintaan rakyat.

“Kita banyak mendengar keluhan rakyat yang mengatakan tiada bekalan minyak masak peket. Jika ada sekalipun, ia dijual dengan harga mahal.

“Atas dasar prihatin, kami bekerjasama dengan KPDNHEP ‘menjalankan jualan borong minyak masak pada harga subsidi untuk memenuhi permintaan rakyat kurang berkemampuan,” kata-nya.

## Agih terus minyak masak untuk asnaf

**Batu Pahat:** Kerajaan Johor mencadangkan kerajaan Persekutuan menyalurkan bekalan minyak masak bersubsidi secara terus kepada golongan asnaf di setiap negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Johor, Mohd Fared Mohd Khalid berkata, perkara itu perlu ketika ini kerana ia sekurang-kurangnya dapat mengurangkan beban golongan asnaf.

"Saya tidak setuju dengan sesetengah pihak yang menyalahgunakan subsidi minyak masak dan memohon pengagihan dibuat secara teratur.

"Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) juga diminta berbincang dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) bagi menjadi pengantar menyimpan dan mengedarkan minyak masak subsidi untuk golongan asnaf," katanya selepas merasmikan Program Johor Bersih Peringkat Mukim-Mukim Daerah Batu Pahat di Kampung Bintang dekat sini, semalam.

Mohd Fared berkata, asnaf tetap perlu membeli minyak masak dengan harga



MOHD FARED menanam pokok pada Program Johor Bersih Peringkat Mukim-Mukim Daerah Batu Pahat di Kampung Bintang, semalam. - GAMBAR NSTP/ESSA ABU YAMIN

subsidi dan pembayaran perlu dibuat di MAIJ.

Katanya, bekalan minyak masak berkenaan terus diedarkan dari rumah ke rumah.

"Secara praktikalnya

pembahagian minyak masak bersubsidi perlu diberi terus kepada golongan sasaran berbanding kepada pemborong.

"Saya berharap kerajaan

persekutuan mempertimbangkan cadangan ini," katanya.

Katanya, kerajaan Johor bersedia menerima tanggungjawab tambahan untuk menangani isu keperluan rakyat ketika ini.

## 70 kes seleweng minyak masak peket dikesan dalam 15 hari

**KUALA TERENGGANU** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesahkan sebanyak 70 kes kesalahan berkaitan minyak masak peket subsidi dengan nilai rampasan berjumlah RM85,717 dalam tempoh 15 hari bermula 1 Julai lalu.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, daripada jumlah itu, 11 kes melibatkan penyelewengan minyak masak peket termasuk cubaan menyeludup ke negara jiran serta tujuh kes kesalahan menyorok bekalan dan menganakan pembelian bersyarat.

Menurut beliau, 42 kes adalah gagal menyelenggara buku stok manakala selebihnya melibatkan kesalahan berkaitan lesen iaitu menjalankan operasi tanpa lesen serta tidak memperbaharui lesen.

“Semua kesalahan ini dikesan menerusi pelbagai operasi yang dilaksanakan bermula 1 Julai lalu termasuk Ops ATM Fasa II (ayam, minyak dan telur), Ops Anti Sorok, Ops Samar, Operasi pengauditan dan pemutihan minyak masak satu kilogram.

“Kita juga bekerjasama dengan pelbagai agensi seperti tentera, polis dan Pasukan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) bagi mengadakan operasi bersepadu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Jamuan Amal ‘Perwiraku Jasamu Dikenang’ Sempena Ulang Tahun Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia Ke-100 peringkat Negeri Terengganu di sini pada Ahad.



Rosol (dua dari kiri) menyampaikan penghargaan kepada veteran ATM di Majlis Jamuan Amal Perwiraku Jasamu Dikenang di Kuala Terengganu pada Ahad.

KPDNHEP menumpaskan aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi disyaki menggunakan saluran paip bawah tanah di sebuah stesen di Jalan Pintasan Dengkil-Putrajaya pada Februari lalu.

# Rakus seludup diesel, petrol bersubsidi



Bersekongkol dengan stesen minyak sebelum seludup bahan api ke negara jiran

DI sebalik pelbagai usaha dilakukan kerajaan dalam mengawal dan memberi subsidi minyak petrol dan diesel bagi meringankan beban rakyat, ada pula pihak yang semakin rakus menyeleweng bahan api tersebut ke negara jiran semata-mata untuk mengaut keuntungan lumayan.

Antara modus operandi dilakukan sindiket terbabit adalah menggunakan saluran paip bawah tanah yang disambung terus ke kawasan stesen minyak bagi memudahkan pemindahan minyak dilakukan.

"Taktik lain lalih dengan mengisi tong-tong dengan petrol dan diesel sebelum memuatkannya ke dalam

kereta atau van. Ahli sindiket juga akan berulang-ulik dari stesen minyak ke stor haram untuk memindahkan bahan api tersebut," dedah Pengarah Penguatan Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam.

> LAPORAN PENUH DI MUKA 2

Minyak diesel, petrol bersubsidi diseleweng, stesen minyak turut bersekongkol

## Pengkhianat rakus seludup bahan api

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

**ALOR SETAR** – Sindiket kini semakin rakus menyeleweng minyak petrol dan diesel semata-mata untuk mengaut keuntungan ketika kerajaan terus berusaha mengawal dan memberi subsidi bahan api itu bagi meringankan beban rakyat.

Tidak hanya menyeleweng, malah pengkhianat negara ini turut bersekongkol dengan stesen-stesen minyak bagi menyeludup bahan api itu ke negara jiran menggunakan pelbagai taktik.

Antara modus operandi sindiket ini adalah menggunakan lori tangki berkapasiti besar bagi memuatkan lebih banyak bahan api dari stesen minyak.

Selain itu, lori bersaiz satu atau tiga tan berkanvas turut digunakan dengan dilengkapi tangki simpanan yang telah diubah suai sehingga 3,000 liter.

Semua modus operandi itu didepakkan Pengarah Penguatan Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNEHP), Azman Adam yang mengakui sindiket berkenaan semakin licik bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Katanya, siasatan turut mendapati sindiket ini akan menggunakan saluran paip bawah tanah yang disambung terus ke kawasan stesen minyak dari lokasi lain berhampiran untuk memudahkan pemindahan minyak ke kenderaan dilakukan.

"Dalam kes yang kita bongkar pada awal tahun ini, sebanyak 64,000 liter diesel telah dirampas," katanya kepada Kosmo! baru-baru ini.



LORI tangki yang disita kerana disyaki digunakan untuk aktiviti pemindahan minyak diesel bersubsidi di sebuah stesen minyak di Wakaf Tapai, Marang di Terengganu pada Mei lalu.



SEBAHAGIAN tong drum dan gelen berisi petrol dan diesel yang dirampas di stesen minyak di Kangar dan Padang Besar pada Mei lalu.

Menurutnya, sindiket juga dikesan membuat pembelian bahan api bersubsidi di stesen-ste-

sen minyak berhampiran pada jarak radius 10 kilometer.

"Modus operandi lain ialah dengan mengisi tong-tong dengan petrol dan diesel sebelum

memuatkan ke dalam kereta atau van. Ahli sindiket akan berulang-ulik dari stesen minyak ke stor haram untuk pemindahan bahan api tersebut," ujarnya.

Difahamkan, minyak berkenaan diseleweng bertujuan untuk seludup ke negara jiran atau dijual kepada pihak industri dalam negara.

Jelasnya, kes rampasan terbaru yang dilakukan pihaknya berlaku di Klang, Selangor melibatkan sebuah lori mengangkat batu batu dan pasir.

"Lori tersebut telah diubah suai dengan mempunyai tangki simpanan berkapasiti anggaran 10,000 liter yang mana tangki ditimbun dengan timbunan pasir dan batu batu.

"Semasa tangkapan dilakukan, terdapat sejumlah 5,000 liter diesel ditemui," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, stor-stor haram dikendalikan sindiket pula biasanya terletak di kawasan terpencil seperti kebun kelapa sawit dengan ditutupi pagar zink yang tinggi.

"Terdapat juga stor-stor yang lokasinya berada di sekitar kawasan kampung.

"Stor-stor haram yang dibina berhampiran sempadan negara pula adalah bagi memudahkan aktiviti penyelewengan atau penyeludupan dilakukan dengan lebih pantas bagi mengelak tindakan pihak berkuasa," jelasnya.

Dalam pada itu, katanya, kegiatan penyelewangan petrol dan diesel bersubsidi itu semakin rancak selepas kerajaan mengumumkan negara memasuki fasa peralihan ke endemik dan pembukaan semula pintu sempadan negara bermula 1 April lalu.

"Kerajaan telah memperuntukkan kira-kira RM30 bilion setahun bagi mengekalkan harga petrol RON95 pada paras RM2.05 seliter dan diesel RM2.15 seliter di mana harga runcit paling rendah berbanding harga runcit bahan api terbabit di negara luar.

"Ia terutama dengan negara bersempadan seperti Indonesia (RM4.98 seliter), Thailand (RM5.99 seliter) dan Singapura (RM9.29 seliter) bagi petrol.

"Hal ini menyebabkan kegiatan penyelewangan petrol RON95 dan minyak diesel bersubsidi kembali aktif kerana kegiatan haram ini boleh mendatangkan keuntungan berlipat kali ganda kepada penjenayah yang melakukan penyelewangan ini," jelasnya.

## RM18.76 juta diselamatkan, tujuh stesen minyak disiasat

**ALOR SETAR** — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merekodkan sebanyak 880 kes penyelewengan petrol dan diesel di seluruh negara dengan nilai rampasan berjumlah RM18.76 juta sejak empat tahun lalu.

Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, daripada jumlah itu, rampasan diesel lebih tinggi iaitu 488 kes dengan nilai rampasan RM16.35 juta berbanding petrol dengan 392 kes melibatkan rampasan bernilai RM2.41 juta.

"Bagi diesel, sebanyak 128 kes dengan nilai rampasan RM3.08 juta dicatatkan sehingga 31 Mei lalu dan ia merupakan kes tertinggi berbanding tahun lain sejak 2018.

"Rampasan petrol pada tahun ini sehingga 31 Mei lalu pula mencatatkan sebanyak 54 kes dengan nilai rampasan RM365,116," katanya.

Sementara itu, katanya, sebanyak tujuh stesen minyak di seluruh negara dikenakan tindakan dan disiasat atas kesalahan tersebut bermula 1 Januari hingga 22 April lalu.

"Kertas siasatan telah dibuka

dan tindakan dilakukan di bawah peruntukan Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961.

"Stesen minyak terlibat disyaki melakukan kesalahan di bawah peruntukan Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu memindahkan barang kawalan di tempat yang tidak dillesenkan dan Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu memiliki barang kawalan dengan niat melakukan kesalahan," ujarnya.

Kata beliau, kegiatan penyelewangan, diesel bersubsidi kerap berlaku apabila harga minyak industri meningkat.

"Apabila terdapat julat perbe-

zaan yang tinggi antara harga diesel industri dan harga runcit diesel di stesen minyak, maka pihak tidak bertanggungjawab akan mencari peluang untuk mendapatkan bekalan diesel bersubsidi di stesen minyak.

"Ia kemudian dijual kepada sektor industri selain aktiviti penyeludupan yang berlaku di pintu-pintu sempadan negara," jelasnya.

Menurutnya, antara negeri yang menjadi hot spot bagi kegiatan penyelewangan atau penyeludupan bahan api itu adalah Kelantan, Kedah, Perlis, Sabah dan Sarawak.



AZMAN

HARI : ISNIN  
TARIKH : 18/07/2022  
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan					
Ayam	<b>RM8.90</b>	Telur Gred A	<b>RM13.50</b>	Gula Pasir	<b>RM2.85</b>
Daging Lembu Tempatan	<b>RM39</b>	Ikan Kembung	<b>RM14.90</b>	Bawang Besar Holland	<b>RM4.90</b>
Daging Lembu Import	<b>RM 55.90</b>	Minyak Masak	<b>RM6.50</b>	Bawang Putih	<b>RM8.90</b>
				Cili Merah	<b>RM17</b>
				Kubis Bulat Tempatan	<b>RM6</b>
				Tepung Candum	<b>RM2.60</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP